Jabatan Bendahari
Bursary

Universiti Sains Malaysia
11800 USM Pulau Pinang
T: 04-653 3131 / 04-653 4288
F: 04-658 8205
E: bursar@usm.my
L: bursary.usm.my / www.usm.my

Rujukan Kami : USM.JB.HB.G.7/2023

Tarikh : 15 Ogos 2023

Pengarah Kampus/ Dekan/ Pengarah/
Penyelaras/ Ketua Jabatan
Pusat Pengajian/ Pusat/ Unit/ Jabatan
Kampus Induk/ Kesihatan/ Kejuruteraan
Universiti Sains Malaysia

YBhg. Dato'/ Prof./ Dr./ Tuan/ Puan,

**HEBAHAN BENDAHARI BIL. 7 TAHUN 2023**
**PERALIHAN SISTEM KEWANGAN & PERAKAUNAN UNIVERSITI DARI USMeFAS KE FIS@USM**

Dengan hormatnya perkara di atas dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Universiti Sains Malaysia (USM) akan menggunakan FIS@USM mulai **1 Oktober 2023 (Ahad)** bagi menggantikan USMeFAS dalam operasi kewangan dan perakaunannya. Persediaan ke arah pelaksanaan sistem baharu ini sedang giat dilaksanakan.

3. Sehubungan dengan itu, Jabatan Bendahari akan **menangguhkan** penggunaan eProcurement USMeFAS dan eClaim USMeFAS bagi tujuan persediaan migrasi data selepas **tarikh akhir aktiviti seperti berikut:**



**HEBAHAN BENDAHARI BIL. 7 TAHUN 2023**
**PERALIHAN SISTEM KEWANGAN & PERAKAUNAN UNIVERSITI DARI USMeFAS KE FIS@USM**

4. **PTJ dipohon untuk merancang keperluan perolehan dan tuntutan termasuk pendahuluan** bagi memastikan kelancaran aktiviti PTJ seperti kemasukan pelajar Sidang Akademik 2023/2024, konvokesyen dan lain-lain aktiviti kerana **tiada** Pesanan Rasmi/Tuntutan Perjalanan/Pendahuluan melalui USMeFAS oleh PTJ dapat dikeluarkan **selepas tarikh 11.09.2023 hingga 30.09.2023.** Walau bagaimanapun, sekiranya terdapat sebarang keperluan PO dan Pendahuluan yang mendesak dalam tempoh tersebut, PTJ boleh mengemukakannya ke Jabatan Bendahari mengikut kampus seperti berikut:

| | | |
|---|---|---|
| Kampus Induk | : | sperolehan@usm.my |
| Kampus Kesihatan | : | tbursary@usm.my |
| Kampus Kejuruteraan | : | jbendahari.kct@usm.my |

Bagi IPPT dan Hospital USM, sila hubungi Zon Bursary@IPPT dan Zon Bursary@HUSM untuk urusan tersebut.

5. PTJ boleh mengakses senarai komitmen melalui eProcument di bawah **menu-*Other Reports*: Laporan Tanggungan** untuk menyemak status dan mengemukakan dokumen yang lengkap ke Jabatan Bendahari pada tarikh yang ditetapkan supaya dapat diproses bayaran.

6. Kerjasama dan perhatian YBhg. Dato'/ Prof./ Dr./ Tuan/ Puan, memanjangkan hebahan ini kepada semua staf di bawah seliaan amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

**"MALAYSIA MADANI"**

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,

**(RAFIZAL ABD RAHIM)**
Bendahari

s. k. Naib Canselor

RAR/ZZ/SAZ/dn/naa